



TALKING POINT
MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERBUKA
WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SHWP 2022

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DAN SALAM SEJAHTERA

1. Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 bermula hari ini menerima sambutan menggalakkan dengan penyertaan daripada keseluruhan 140 pemain sepak takraw.
2. Keseluruhan 16 regu lelaki daripada setiap negeri di seluruh Malaysia akan bertanding dalam kategori Regu Terbuka Lelaki sementara 12 regu wanita bakal memulakan saingan sebentar lagi dalam kategori Regu Terbuka Wanita.
3. Antara pemain hebat yang turut serta pada kali ini adalah Syahir Rosdi, Amirul Zazwan, Ahmad Aizat, Rizal Maamor dan Redwan Hakim yang bersaing mewakili pasukan KL Thunder sementara Syahril Rosdi akan mewakili Putrajaya Cyborg dalam Kejohanan yang bermula hari ini.
4. Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan ini bakal dijadikan medan pemanas badan bagi skuad sepak takraw Wilayah Persekutuan khususnya dalam persiapan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung tahun ini.
5. Kejohanan ini turut menarik pemain kebangsaan, atlet yang kini sedang berehat daripada saingan Liga Sepak Takraw (STL) 2022 dan juga pemain SUKMA.

6. Kejohanan selama tiga hari ini bakal menawarkan RM5,000 berserta Piala dan juga Pingat bagi juara bagi kategori Regu Terbuka Lelaki dan juga RM1,000 berserta Piala dan Pingat bagi johan kategori Regu Terbuka Wanita.

7. Saya doakan semua pemain akan bermain dengan semangat kesukanan yang tinggi dan mengucapkan selamat maju jaya kepada semua. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim saya merasmikan Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022.

Sekian, terima kasih.